



## KREATIVITI & INOVASI GURU PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH: SATU ANALISIS LITERATUR

### [CREATIVITY & INNOVATION OF PRIMARY SCHOOL ISLAMIC EDUCATION TEACHERS: A LITERATURE ANALYSIS]

MUHAMMAD 'AIZAT ANWAR APANDI<sup>1</sup> & KHADIJAH ABDUL RAZAK<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. MALAYSIA

Corresponding Author: khadijah.razak@ukm.edu.my

---

*Received: 29 January 2022*

*Accepted: 22 February 2022*

*Published: 30 March 2022*

---

**Abstrak:** Kertas konsep ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti serta faktor keupayaan inovasi Guru Pendidikan Islam. Analisis literatur telah dijalankan ke atas kajian-kajian lepas dari tahun 2018 sehingga 2022. Di samping itu, terdapat beberapa isu dan masalah yang berlaku dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah rendah dalam melaksanakan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam bagi memenuhi aspek kreativiti dan inovasi memandangkan kedua-dua aspek ini ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk gelombang 3 (2021-2025) memberi tumpuan kepada kreativiti dan inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah. Tambahan pula, fokus melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif turut diberi perhatian dalam pendidikan Islam berdasarkan kepada beberapa faktor kreativiti yang perlu ada terhadap seorang guru seperti ilmu pengetahuan, sikap kreatif, motivasi dan persekitaran. Selain itu, dalam membentuk minda inovatif dalam kalangan pelajar, GPI seharusnya memiliki keupayaan inovasi meliputi aspek penjanaan idea, pembangunan idea, pelaksanaan idea dan perkembangan idea. Justeru itu, kertas konsep ini diharapkan dapat menambah baik pengetahuan sedia ada dalam menjalankan kajian berkaitan kreativiti dan inovasi terutama dalam memastikan GPI sekolah rendah sentiasa relevan dan meningkatkan kompetensi dalam kreativiti dan inovasi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam dengan lebih baik seiring dengan kemajuan pendidikan negara era Revolusi Industri (RI) 4.0.

**Kata kunci:** Kreativiti, Inovasi, Guru Pendidikan Islam.

**Abstract:** This concept paper aims to identify the factors that influence creativity as well as the innovation capabilities of Islamic Education Teachers. Literature studies were conducted on past studies from 2018 to 2022. In addition, there are a number of issues and problems that occur among Islamic Education Teachers (GPI) in primary schools in implementing Islamic Education Teaching and Facilitation (PdPc) to meet the aspects of creativity and innovation as these two aspects are emphasized in the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025 for wave 3 (2021-2025) focusing on creativity and innovation in Teaching and Learning (PdP) in schools. In addition, the focus on producing creative and innovative students is also given attention in Islamic education based on several factors of creativity that should be present towards a teacher such as knowledge, creative attitude, motivation and environment. Besides, in shaping innovative minds among students, GPI should have innovation capabilities covering aspects of idea generation, idea development, idea implementation and idea

development. Therefore, this concept paper is expected to improve the existing knowledge in conducting studies related to creativity and innovation especially in ensuring that the GPI of primary schools is always relevant and enhances the competency in creativity and innovation of Teaching and Facilitation (PdPc) Islamic Education better in line with the progress of the country's education of the Industrial Revolution era (RI) 4.0.

**Keywords:** Creativity, Innovation, Islamic Education Teachers.

**Cite This Article:**

Muhammad 'Aizat Anwar Apani & Khadijah Abdul Razak. 2022. Kreativiti & Inovasi Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah: Satu Analisis Literatur [Creativity & Innovation of Primary School Islamic Education Teachers: A Literature Analysis]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 78-96.

## PENGENALAN

Transformasi dalam sistem pendidikan telah berlaku secara holistik pada abad ke-21 yang menghendaki warga pendidik melakukan anjakan paradigma (Noor Lela et. al 2019) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) secara kreatif dan inovatif serta berlakunya perubahan sistem pendidikan dengan pantas di seluruh dunia termasuk Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) dengan tujuan bagi menyediakan murid menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21 (Abdul Jalil, Abdul Ghani Kanesan & Isrihan 2019). Malah, pendidikan abad ke-21 turut dikaitkan dengan integrasi penggunaan TMK atau teknologi pendidikan dalam PdP (Unik Hanifah, Putri Fauziatul & Astuti 2020; Uswatun Khasanah & Herina Herina 2019; Dewi Surani 2019; Siti Noridah, Nur Liyana & Ahmad Taufiq 2018) dalam membantu Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) guru hari ini. Secara tidak langsung pendidikan di Malaysia telah berubah sedikit demi sedikit dari segi pendekatan mengajar para guru di sekolah daripada pendekatan berpusatkan guru iaitu '*chalk and talk*' kepada berpusatkan murid (Fathi & Khadijah 2021; Noorazman et al. 2018; Rafiza 2017; Mohd Khairul Nuzul & Abu Bakar 2017; Mohd Paris & Saedah 2017). Murid akan lebih melibatkan diri dalam proses PdPc apabila pendekatan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) (Mashira et. al 2019; Norfaizah & Mahizer 2019; Raja Abdullah & Daud 2018) turut diimplimentasikan dalam aktiviti kelas sama ada secara bersemuka mahupun secara atas talian. PAK21 berfokuskan kepada kemahiran kreatif, kritis, komunikasi dan kolaboratif serta nilai, merupakan sebahagian elemen yang ditekankan dalam pendidikan abad ke-21. Namun begitu, pelaksanaan PAK21 dan TMK dalam PdPc abad ke-21 tidak mampu direalisasikan jika guru masih mengajar dengan pendekatan dan kaedah yang lama tanpa menggabungkan elemen TMK dalam PdPc secara kreatif dan inovatif.

Perubahan bidang pendidikan menuntut semua pendidik untuk memainkan peranan dengan mengupayakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran seiring dengan pendidikan abad ke 21 menerusi elemen kreativiti dan inovasi. Kajian mengenai kreativiti dan inovasi telah dipelopori oleh pengkaji luar negara seperti Ander (2021); Rerke, Viktoriya I et al. (2020); dan Stephen, Samson, & Adesina (2019) . Manakala kajian tempatan antaranya dari Selvi Narayanan (2017) berkaitan kreativiti dan inovasi di IPTS Malaysia. Menurut Cremin & Barnes (2018); Kalyani & Rajasekaran (2018); Hashimah Mohd Isa & Shahlan (2018); Abu Bakar Nordin (2017); dan Priansa (2017) kreativiti dan inovasi merupakan kemahiran asas bagi abad

ke-21 terutama dalam menyerlahkan potensi seseorang (Nakano & Wechsler 2018) dan perkara yang sangat diperlukan dalam semua bidang kehidupan manusia termasuk pendidikan. Kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain dan ianya penting untuk kualiti seorang guru serta memupuk kemenjadian murid (Ng Lee, Hazura & Zubaidah 2020; Noor Lela et al. 2019; Hannah Aqilah, Rosadah & Manisah 2019) bagi membawa negara ke arah kemajuan dan berdaya saing (Nor Hazrul 2021). Selain itu, PPPM menerusi Gelombang 3 (2021-2025) yang menekankan proses ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi berdasarkan pembudayaan inovasi, perkongsian amalan terbaik dan penguasaan kemahiran dalam kalangan guru (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013) harus diaplikasikan dalam budaya pendidikan abad ke-21, dengan memfokuskan amalan kreativiti dan inovasi dalam PdPc. Kedua-duanya perlu diterjemahkan dalam proses PdPc guru dalam semua mata pelajaran.

Dalam konteks perbincangan ini, pengkaji memfokuskan terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja kerana merupakan salah satu subjek teras di sekolah (Norliza, Razaleigh & Ahmad Irdha 2019; Mukhlas Nugraha 2017). Melalui Akta Pelajaran 1996 (Akta 550) telah mewajibkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam (Afnan Faiz Ridzuan & Jasni 2019) di setiap sekolah termasuk amalan penghayatan dan pengurusan Pendidikan Islam di SJKC atau SJKT (Mohamad Khairi & Mohd Nazer 2017; Muhammad Fikri 2017). Justeru itu, PdPc Pendidikan Islam perlu dilaksanakan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) dengan mengambil kira tentang perubahan zaman yang lebih mencabar kepada generasi muda hari ini. GPI harus mempraktikkan pedagogi abad ke-21 dengan lebih kritikal, kreatif, inovatif, bijak berkomunikasi, dan berkeupayaan membuat keputusan (Mohd Zailani & Mohamad Khairi 2021) supaya murid boleh faham, hafaz dan amalkan (Jumadi et al. 2021; Fathiyah et al. 2020) dalam kehidupan seharian berdasarkan kandungan kurikulum Pendidikan Islam. Terdapat beberapa bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu bidang al-Quran yang merangkumi topik Tilawah, Hafazan, Tajwid dan Ayat Kefahaman. Manakala bidang-bidang lain yang terkandung dalam Pendidikan Islam ialah Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Akhlak dan juga Jawi.

Sehubungan dengan itu, Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu mempunyai pelbagai kemahiran dan teknik pengajaran yang menarik serta mampu mempelbagaikan aktiviti pembelajaran sesuai dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 menerusi penerapan kreativiti dan inovasi dalam PdPc. Isu yang dihadapi oleh segelintir GPI tidak memandang serius dalam penerapan elemen kreativiti dan inovasi (Nur Adibah & Hafizhah 2021) serta memiliki pemikiran yang kreatif, inovatif dan kritis dalam amalan pengajaran abad ke-21 (Norazlin & Siti Rahaimah 2019) subjek Pendidikan Islam. Selain itu, guru yang kreatif dan inovatif serta berusaha untuk membina persekitaran bilik darjah yang kondusif (Siti Aisyah & Khadijah 2021) serta menghasilkan bahan inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (Hani Subakti et al. 2021; Chotibul Umam 2020; Abdul Muis Joenaidy 2018; Raja Abdullah & Daud 2018) dapat membantu murid yang bermasalah dalam pelajaran dan mengelak keciciran murid dalam pembelajaran.

## **PENYATAAN MASALAH**

Kreativiti dan inovasi merupakan elemen yang saling berhubung antara satu sama lain (Mashitah Sulaiman et al. 2020) dan signifikan untuk diterapkan dalam proses PdPc abad ke-

21. Berdasarkan daripada kajian-kajian lepas, terdapat halangan di kalangan GPI untuk menerapkan kreativiti dan inovasi dalam PdPc Pendidikan Islam disebabkan kesediaan (Mazarul Hasan, Maizura & Norazimah 2020), pengetahuan (Wan Ali Akbar et al. 2020) dan kemahiran (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki 2020) GPI masih belum menguasai dan mencapai tahap sederhana secara keseluruhannya (Noor Lela et al. 2019). Tambahan pula, masalah pembelajaran murid yang berlaku dalam bilik darjah adalah disebabkan oleh guru kurang kreatif dan inovatif dalam PdPc berpunca daripada kurang berinteraksi dengan murid (Eko Heri Widiastuti 2017; Aprida & Muhammad Darwis 2017) dan sikap guru (Darchinie Rani & Md Yusoff 2020; Norfaizah & Mahizer 2019; Mohd Nazri & Wan Nurul Baizura 2018; Beben Zuber Effendi 2017) yang berhadapan beberapa halangan dalam menerapkan aspek kreativiti serta inovasi dalam PdPc abad ke-21.

Selain itu, terdapat beberapa isu dan masalah yang berkait dengan kreativiti dan inovasi GPI terhadap prestasi murid lemah dalam PdPc Pendidikan Islam . Antaranya, Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi (2021) menyatakan guru yang mempunyai daya kreativiti yang lemah dan sikap tidak mahu mencuba dalam menghasilkan sesuatu inovasi boleh menyebabkan murid sukar untuk mempelajari ilmu tajwid dengan lebih baik. Kajian ini telah menyokong dapatan kajian mereka (2019) yang menyatakan bahawa murid yang lemah dalam menguasai ilmu tajwid dalam pelajaran al-Quran akan menjadi lebih baik apabila guru menjadi lebih kreatif dan inovatif dengan melihat kepelbagaian murid dalam bilik darjah. Selain itu, Nur Atiqah & Noornajihan (2018), Nur Syamira et. al (2017) dan Ainul Husna (2016) sependapat menyatakan bahawa murid yang lemah sewaktu mempelajari al-Quran adalah tidak menguasai jawi dan huruf hijaiyyah disebabkan guru yang tidak kreatif dan berinovasi dalam PdPc Pendidikan Islam.

## **TUJUAN KERTAS KONSEP**

Kertas konsep ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti dan keupayaan inovasi GPI dalam PdPc Pendidikan Islam. Pengkaji telah menjalankan sorotan literatur berdasarkan kajian-kajian lepas dari tahun 2017 hingga 2022 berdasarkan beberapa tema kajian iaitu kreativiti dalam PdPc, inovasi dalam PdPc serta kreativiti dan inovasi dalam PdPc. Dapatan analisis dokumen diperolehi daripada tesis, artikel jurnal, buku, laman internet di dalam mahupun luar negara.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian-kajian literatur tentang kreativiti dan inovasi guru dan PdPc, pengkaji mendapati kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada soal pengajaran guru semata-mata. Sememangnya kajian mengenai aspek kreativiti dan inovasi Guru Pendidikan Islam atau GPI dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21 merupakan bidang kajian yang signifikan untuk diterokai di Malaysia, terutama apabila berada dalam Gelombang ke-3 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2021-2025. Kajian ini memfokuskan kepada aspek kreativiti dan inovasi GPI dalam PdPc abad ke-21 disebabkan perlunya menyediakan suasana pembelajaran yang kreatif dan inovatif kepada murid bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Namun begitu, perubahan drastik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

dalam dunia pendidikan hari ini telah menuntut perubahan sikap dan kesedaran guru untuk mengubah pendekatan PdPc daripada konvensional kepada terkini selari dengan abad ke-21. Perubahan yang berlaku tidak hanya disertai dengan kecanggihan peralatan dan aplikasi TMK sahaja, tetapi perlu diterapkan dengan aspek kreativiti dan inovasi guru. Begitu juga dalam penyediaan bahan bantu mengajar, ia perlu diterapkan nilai kreativiti dan inovasi supaya membantu murid untuk melibatkan diri dalam proses PdPc seterusnya meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Berdasarkan kepada isu dan masalah ini, maka kajian ini berharap agar dapat memperolehi maklumat dan data secara empirikal mahupun saintifik berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti GPI, faktor keupayaan inovasi GPI, tahap kreativiti dan inovasi GPI serta mengenal pasti faktor halangan yang dihadapi GPI dalam menerapkan kreativiti dan inovasi dalam PdPc abad ke-21.

Selain itu, pengembangan dan kemantapan suatu disiplin ilmu adalah bergantung kepada penyelidikan yang dibuat melalui bidangnya. Maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan yang dijalankan adalah sesuatu bermanfaat kerana ianya boleh menyumbang kepada teori dan menambah banyak maklumat atau literatur berkaitannya. Maklumat seperti ini penting dan signifikan untuk dijadikan rujukan asas kepada para pengkaji yang ingin membuat sesuatu kajian secara mendalam dalam bidang kreativiti dan inovasi guru di Malaysia. Hal ini sangat dititik beratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi menambahkan lagi program pembangunan serta menjadikan budaya penyelidikan satu agenda utama negara dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

Selain itu juga, kajian ini diharap dapat memberi informasi berkenaan faktor kreativiti dan inovasi dalam PdPc abad ke-21 dalam kalangan GPI yang kreatif, inovatif dan cemerlang di negeri Melaka. Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat membantu GPI lain untuk menambah baik amalan bilik darjah dengan penekanan aspek kreativiti dan inovasi dalam PdPc abad ke-21 khususnya bagi menarik minat murid yang bermasalah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah. Hal ini penting supaya pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dapat bersama-sama GPI untuk merangka perancangan dengan lebih baik seterusnya menyebar luaskan amalan terbaik dalam PdPc Pendidikan Islam abad ke-21 kepada semua GPI di negeri Melaka khususnya dan di Malaysia umumnya.

Oleh itu, pengkaji berharap segala maklumat yang diperolehi dalam kajian ini akan dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan berhubung kajian mengenai kreativiti dan inovasi GPI dalam PdPc Pendidikan Islam abad ke-21 serta dapat menambah literatur sedia ada bagi penyelidik di masa depan. Kajian susulan boleh dilaksanakan dengan meneliti lebih mendalam sejauh mana penggunaan TMK dan bahan bantu mengajar membantu kreativiti dan inovasi murid sekolah. Hal ini bagi menyahut seruan kerajaan menyediakan generasi Alpha di masa depan yang berminda kreatif, inovatif dan kritis.

## **KAJIAN-KAJIAN LEPAS**

Kajian berkaitan kreativiti dan inovasi dalam PdPc merupakan aspek yang perlu diberi tumpuan dalam kalangan guru memandangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah memasuki gelombang ke-3 yang menumpukan kepada usaha guru yang inovatif dan kreatif

dalam PdPc. Justeru itu, terdapat beberapa kajian yang menjadi rujukan literatur bagi kajian ini khususnya untuk mengenal pasti *gap* kajian dalam aspek kreativiti dan inovasi PdPc Pendidikan Islam.

#### i. Kreativiti Dalam PdPc

Perbincangan mengenai aspek kreativiti dalam PdPc sememangnya telah berlaku sejak sekian lama. Banyak kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji untuk memberi perhatian terhadap aspek kreativiti dalam PdPc merangkumi semua subjek di sekolah. Malah, terdapat pengkaji yang memberi fokus kreativiti terhadap guru semata-mata. Justeru itu, dalam bahagian ini pengkaji akan meneliti beberapa kajian lepas berkaitan kreativiti dalam PdPc. Dalam kajian Nadia Zaini (2021) menunjukkan hasil kajian mendapati guru kreatif adalah guru yang mampu menciptakan kegiatan pembelajaran yang bervariasi sehingga proses pembelajaran menjadi aktif, menyenangkan, dan tidak membosankan. Guru yang kreatif ialah yang fleksibel, tidak kaku dan mempunyai prinsip.

Bagi aspek kreativiti dalam PdPc, terdapat kajian yang mengaitkan dengan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Antaranya, Nur Adibah & Hafizhah (2021) menerangkan tentang konsep elemen kreativiti, amalan kreativiti guru dalam PdPc dan cabaran guru Pendidikan Islam dalam penerapan elemen kreativiti. Pengkaji turut menyentuh tentang konsep Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menjadi suatu titik tolak perubahan dalam sistem pendidikan masa kini. Begitu juga dalam Ng, Hazura & Zubaidah (2020) menerangkan tentang tahap amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) merangkumi penerapan elemen 4C iaitu kreativiti, kritikal, kolaboratif dan komunikasi. Hasil kajian kuantitatif yang menunjukkan tahap kemenjadian pelajar berada pada tahap sederhana.

Selain daripada itu, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) perlu diterapkan dengan pendekatan kreatif dan kreativiti guru. Ini akan menghasilkan intervensi kepada masalah belajar dalam subjek tersebut. Hal ini boleh dilihat dalam kajian Fariah Hussain et al. (2020) menyatakan penggunaan bahan bantu pengajaran (BBP) membantu proses PdPc menjadi berkesan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes, telah memfokuskan kepada penggunaan BBM dalam aktiviti PdPc dengan menekankan elemen (4K 1N) kolaboratif, kreatif, kritis dan komunikasi serta nilai. Dapatan kajian ini menunjukkan guru Bahasa Arab mengaplikasikan pelbagai BBM dalam PdPc nahu. Seterusnya, Siti Rohani, Suhaila & Hakim (2020) mengkaji tentang impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab. Kajian ini berbentuk kajian literatur yang diterangkan melalui analisis kandungan dan dihuraikan secara deskriptif. Hasil dapatan kajian ini menjelaskan bahawa kreativiti dalam PdP Bahasa Arab melalui kosa kata Arab membantu meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Ini penting bagi menggalakkan pendekatan PdP berpusatkan pelajar di samping memperbanyakkan aktiviti dan latihan yang dapat mengayakan penguasaan kosa kata Arab dengan lebih efektif. Bagi Abdul Jalil, Abdul Ghani & Isrihan (2019) menjelaskan pendekatan PdPc abad ke-21 dalam konteks amalan pengupayaan dan autonomi guru. Pengkaji berpendapat kedua-dua elemen ini penting bagi memperbaiki dan menggandakan usaha bagi mencari kaedah terbaik dalam mengintegrasikan elemen kemahiran abad ke-21. Persamaan dalam kajian ini adalah pengkaji menyatakan wujudnya keupayaan da

autonomi guru untuk mencipta pembelajaran yang lebih inovatif dan kreatif dalam konteks hari ini. Bagi Noor Lela et al (2019) pula menerangkan aspek kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 terhadap pembangunan pelajar melalui model *Partnership for 21st Century Skills*. Dapatan kajian ini menunjukkan dimensi PAK21 yang terendah ialah kolaborasi. Namun begitu hasil kajian kualitatif ini telah mendapati pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 memberikan impak yang positif kepada pembangunan pelajar.

Terdapat kajian luar negara oleh Sukarman & Dalmi (2019) dalam kajiannya menerangkan tentang kreativiti dalam pengajaran guru Pendidikan Islam dan impaknya terhadap motivasi belajar pelajar sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara kerja lapangan melalui pemerhatian. Hasil kajian mendapati kreativiti guru mampu mempengaruhi peningkatan motivasi pelajar dalam menghasilkan inovasi belajar. Secara keseluruhan, kajian ini telah menunjukkan satu hasil kajian berdasarkan kepada perkaitan antara kreativiti guru dengan motivasi pelajar dalam penciptaan inovasi. Salmiah Kinawati Azisa (2019) kajian ini menerangkan kreativiti guru Pendidikan Islam dalam mengatasi masalah pembelajaran pelajar sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui teknik pengumpulan data iaitu temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan kaedah pengajaran yang berkesan dan tepat mampu menarik minat pelajar untuk belajar secara aktif serta dapat menghindarkan diri daripada ketegangan semasa proses PdP berlangsung.

Selain itu, Hashimah, Mohd Isa & Shahlan (2018) kajian ini menunjukkan tentang kesahan dan kebolehpercayaan indeks pemupukan kreativiti dalam pengajaran guru dengan elemen Islam (I-CFTI) berdasarkan pendekatan model Rasch. Pendekatan dalam kajian ini menggunakan kuantitatif. Dapatan akhir kajian menunjukkan sebanyak 46 item bagi instrumen i-CFTI telah dihasilkan dan sesuai digunakan oleh guru-guru yang mengajar subjek pendidikan Islam. Bagi kajian ini, ia lebih kepada proses untuk menghasilkan satu instrumen penentuan kreativiti GPI melalui penekanan elemen Islam dalam soalan. Selain itu, menurut Salmiah Kinawati Azisa (2019) kajian ini menerangkan kreativiti guru Pendidikan Islam dalam mengatasi masalah pembelajaran pelajar sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui teknik pengumpulan data iaitu temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan kaedah pengajaran yang berkesan dan tepat mampu menarik minat pelajar untuk belajar secara aktif serta dapat menghindarkan diri daripada ketegangan semasa proses PdP berlangsung.

Selain Pendidikan Islam, terdapat juga kajian dalam subjek lain yang membincangkan tentang kreativiti. Muhammad Arifuddin et al. (2019) kajian menerangkan tentang pembangunan kreativiti saintifik dalam pembelajaran subjek fizik. Ini penting bagi mencari penyelesaian baru yang lebih berkesan dalam mengatasi pelbagai masalah yang semakin kompleks. Kajian ini turut mengenal pasti beberapa aspek dalam menyediakan modul latihan bersifat kreativiti saintifik yang menekankan kepada aktiviti pelajar. Antaranya, 1) menentukan penggunaan objek untuk tujuan saintifik; 2) mencari masalah saintifik; 3) meningkatkan penggunaan produk teknikal; 4) imaginasi saintifik; 5) Reka bentuk eksperimen secara kreatif; 6) menyelesaikan sesuatu masalah saintifik secara kreatif; dan 7) Reka bentuk produk yang kreatif. Manakala kajian Siti Aminah, Nur Karomah & Mulyono (2019) kajian ini menerangkan tentang kreativiti dalam literasi Matematik melalui pendekatan *Open Ended Problems* (OEP). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengumpulkan data yang diperlukan melalui berita, jurnal dan buku-buku yang relevan. Penggunaan teknologi dan media komunikasi juga mampu

meningkatkan kreativiti pelajar. Helda Jolanda (2017) kajian ini pula memfokuskan kepada perkembangan aspek kreativiti guru dalam pembelajaran kreatif subjek Bahasa Inggeris. Pendekatan kajian adalah kualitatif deskriptif. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang kreatif ialah guru yang mampu mengembangkan kemampuan pedagogi, keterampilan diri, meningkatkan nilai dan membangunkan serta mengembangkan sikap profesionalisme. Semua ini mampu diperoleh dalam proses pembelajaran yang kreatif yang mampu dihasilkan secara pedagogi dan profesional seiring dengan era globalisasi.

Selain itu, kajian yang menjelaskan implikasi dalam PdPc abad ke-21 apabila guru tidak berjaya menguasai aspek kreativiti dengan baik boleh menjadi penghalang kepada pencapaian hasil pembelajaran tersebut. Menurut Norazlin & Siti Rahaimah (2019) dalam kajian mereka menerangkan tentang beberapa faktor yang mempengaruhi amalan guru dalam kelas abad ke-21 seperti kemudahan, perkembangan profesionalisme dan pengetahuan guru sendiri. Hasil dapatan kajian kualitatif ini menunjukkan bahawa guru mempunyai pandangan yang positif terhadap pembelajaran abad ke-21. Pengkaji turut mengemukakan beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru seperti kekangan masa semasa mengajar, pengetahuan guru terhadap sesuatu ilmu belum mencukupi dan kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) adalah terhad. Cabaran lain ialah guru sendiri masih belum menguasai kreativiti dan pemikiran kritis dengan baik serta lebih selesa dengan kaedah pengajaran berbentuk tradisional.

Selain daripada itu, terdapat kajian yang memberi tumpuan terhadap pemikiran kreatif dalam menentukan tahap serta amalan kreativiti seseorang. Dalam Zaidi, Jamilah & Yahya (2021) membincangkan aspek pembinaan pemikiran kreatif terhadap guru besar. Pengkaji mencadangkan satu instrumen kreativiti berbentuk *dimensionality* untuk meneroka kreativiti seseorang. Satu protokol temu bual berdasarkan instrumen baru telah dibina oleh pengkaji yang merupakan sebahagian daripada kaedah kualitatif kajian ini. Kajian ini telah mencadangkan satu instrumen yang lengkap dalam meneroka amalan kreativiti seseorang terutama dalam konteks pemimpin sekolah.

## ii. Inovasi dalam PdPc

Bagi tema mengenai inovasi dalam PdPc, pengkaji mendapati kajian-kajian lepas ada menerangkan tentang hubungan yang wujud antara kreativiti dan inovasi. Begitu juga aspek kreatif dan inovatif yang sering berkait antara satu sama lain. Justeru itu, terdapat beberapa kajian yang menjelaskan aspek inovasi dan hubungannya terhadap kreativiti guru. Menurut Wan Ali Akbar et al. (2020) menerangkan peranan pentadbir dalam mencetuskan idea penghasilan inovasi dalam kalangan Guru Inovatif Pendidikan Islam (GIPI). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan GIPI menghasilkan inovasi selepas dipaksa oleh pentadbir masing-masing dan GIPI memberi tunjuk ajar kepada guru lain. Yuyu Yuliaty & Dudu Suhandi (2019) mengkaji berkaitan pendidikan STEM iaitu merujuk kepada *Science, Technology, Engineering* dan *Mathematic*. Kajian ini turut menekankan aspek inovasi dalam pembelajaran Sains pada era 4.0. Selain itu, aspek lain yang ditekankan pengkaji adalah berfikir kritis, bekerjasama, berkomunikasi dengan baik, kreatif dan inovatif serta percaya kepada diri sendiri. Selain itu, Muhammad Rohmadi (2018) dalam kajian beliau menerangkan tentang strategi dan inovasi dalam pembelajaran bahasa dan sastera pada era industri 4.0. Kajian ini berbentuk kajian literatur atau analisis dokumen. Terdapat beberapa



aspek yang ditekankan dalam kajian ini iaitu, perlunya penguasaan 4C dalam mendepani pendidikan masa kini seperti *Creative* (Kreatif), *Creativity* (Kreativiti), *Communication* (Komunikasi) dan *Collaboration* (Kolaborasi).

Oleh itu, kajian-kajian yang menerangkan tentang aspek inovasi dalam PdPc menunjukkan perkaitan yang signifikan terhadap kreativiti dan sikap kreatif yang perlu ada dalam diri seorang guru. Penjanaaan idea sehingga ke fasa penghasilan produk sememangnya memerlukan daya kreativiti dan sikap yang kreatif dalam kalangan GPI hari ini agar pelaksanaan PdPc abad ke-21 dapat mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan.

### iii. Kreativiti dan Inovasi Dalam PdPc

Seperti mana dibincangkan sebelum ini, kajian berkaitan kreativiti dan inovasi dalam PdPc merupakan aspek yang perlu diberi tumpuan dalam kalangan guru memandangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah memasuki gelombang ke-3 yang menumpukan kepada usaha guru yang inovatif dan kreatif dalam PdPc. Justeru itu, terdapat beberapa kajian yang menjadi rujukan literatur bagi kajian ini khususnya untuk mengenal pasti *gap* kajian dalam aspek kreativiti dan inovasi PdPc Pendidikan Islam.

Terdapat beberapa kajian dari luar negara yang membincangkan tema kreativiti dan inovasi. Antara kajian yang dianalisis ialah Hanif Kurniawan & Enung Hasanah (2021) menerangkan tentang peranan yang dimainkan oleh pentadbiran sekolah dalam meningkatkan inovasi dan kreativiti guru di salah sebuah sekolah di Indonesia semasa berlakunya pandemik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui penilaian deskriptif berdasarkan pemerhatian dan temu bual. Hasil dapatan kajian mendapati peranan pentadbir sekolah dalam meningkatkan inovasi dan kreativiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran ialah, 1) Guru besar atau pengetua sebagai contoh; 2) pementoran dan bimbingan; 3) pemberian '*reward*' dan '*punishment*'; 4) melibatkan para guru dengan latihan atau PLC; 5) mewujudkan suasana kerja yang menyenangkan; 6) memberikan kebebasan berinovasi dan berkarya; dan akhir sekali 7) melibatkan para guru dalam pelbagai pertandingan khususnya inovasi. Seterusnya, kajian daripada Žydzūnaitė, Vilma, & Ander Arce (2021) dalam kajian mereka menunjukkan bahawa inovasi dan kreativiti guru dirujuk kepada diri, tindakan profesional, pelajar, sekolah, dan pembangunan profesional. Secara keseluruhan, difokuskan pada fakta empirikal bahawa guru inovatif dan kreatif mempengaruhi amalan mereka melalui tugas, yang mereka lakukan dengan bersungguh-sungguh.

Selain itu, M. Iqbal et al. (2020) menjelaskan dalam kajiannya berkaitan alternatif strategi pembelajaran Pendidikan Islam semasa wabak Covid-19. Kajian ini turut memfokuskan tentang inovasi dan kreativiti guru. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk pengumpulan data. Hasil kajian menunjukkan strategi pembelajaran di sekolah tersebut adalah secara deduktif dan induktif. Penggunaan *e-Learning* secara koperatif turut diterapkan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kreatif dan inovatif. Seterusnya, dalam kajian Agus Susilo & Andriana Sofiarini (2020) penggunaan media pembelajaran perlu diterapkan aspek kreativiti dan inovasi dalam pembelajaran sejarah. Kajian beliau menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif di mana memfokuskan kepada beberapa aspek yang perlu untuk guru sejarah memberi perhatian. Antaranya, guru perlu berdaya saing dengan mengikuti arus kemajuan zaman, guru memiliki

kemampuan terhadap penggunaan teknologi, guru bersifat kreatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dalam proses pembelajaran, guru memiliki daya kreatif dan inovatif dalam memanfaatkan media pembelajaran, guru berinovasi dalam menggunakan media pembelajaran untuk mewujudkan suasana pembelajaran aktif dan menarik serta yang terakhir ialah, cabaran dalam memanfaatkan media pembelajaran masa kini.

Selain daripada itu, dalam Rerke, Viktoriya I et al. (2020) kajian mengenai kreativiti dan inovasi guru-guru sekolah moden: dari aspek empirikal. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk memperolehi dapatan berkaitan keperluan untuk menerapkan inovasi dalam aktiviti profesional guru dan tahap kreativiti guru yang dipengaruhi oleh motivasi untuk berjaya. Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan untuk menghadapi risiko dan kreativiti guru. Menerusi kajian dalam Herdin, Dora & Andi (2020) bertujuan untuk mengetahui pembelajaran Sejarah yang aktif, kreatif dan inovatif melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Pendekatan kajian ini adalah kaedah pencampuran. Hasil dapatan kajian menunjukkan model *e-Learning* telah dipilih responden sebagai media pembelajaran yang aktif kreatif dan inovatif. Begitu juga bagi Nurul Dwi, Nila Lukmatus & Apriliyani Diah (2020) kajian ini menerangkan tentang inovasi pembelajaran yang digunakan dalam bentuk animasi dalam pembelajaran bahasa. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati kesungguhan mahasiswa dalam mengikuti pembelajaran menggunakan media tersebut telah menghasilkan daya kreativiti yang baik dan memenuhi objektif pembelajaran.

Dalam konteks kajian bahasa juga, turut menunjukkan kajian-kajian yang memberi fokus kepada kreativiti dan inovasi. Antaranya, Nur Hasan (2019) mengkaji tentang peranan pesantren atau pondok dalam mewujudkan guru Bahasa Arab profesional berasaskan kaedah pembelajaran Bahasa Arab kreatif dan inovatif. Kaedah pembelajaran Bahasa Arab yang betul perlu diterapkan supaya aspek kreatif dan inovatif mampu dibangunkan dalam kalangan pelajar pondok atau pesantren. Bagi Stephen, O.M., Samson, O. O. & Adesina, K. A. (2019) kajian ini menerangkan aspek kreativiti dan inovasi yang menjadi asas dalam setiap latihan akademik terutama dalam pembelajaran jarak jauh secara terbuka atau *Open Distance Learning* (ODL). Kepentingan guru dalam menerapkan aspek kreativiti dan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini secara tidak langsung mewujudkan hubungan yang positif antara guru dan pelajar. Kajian ini turut menggunakan aplikasi seperti *Zoom* dan *Moodle* sebagai alat pembelajaran interaktif. Manakala kajian oleh Dudun Supriadi (2017) memfokuskan kepada penerapan elemen inovasi dan kreativiti dalam meningkatkan mutu pembelajaran yang berkualiti. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian menunjukkan terdapat kurangnya media pembelajaran atau teknologi pendidikan yang digunakan hingga mengganggu mutu pembelajaran di sekolah. Justeru itu, kajian ini turut mencadangkan supaya diterapkan sistem pembelajaran *e-learning*, penerapan *Total Quality Services* (TQS) dan sentiasa menambah baik amalan bilik darjah bersesuaian dengan mata pelajaran masing-masing berdasarkan informasi dari media cetak, buku ataupun internet.

Dalam konteks kajian dalam negara, pengkaji mendapati masih terdapat ruang yang banyak boleh diisi dengan kajian-kajian memfokuskan kepada kreativiti dan inovasi guru khususnya dalam Pendidikan Islam. Terdapat kajian dalam negara yang berkaitan dengan tema kreativiti dan inovasi oleh Selvi Narayanan (2017) yang memberi fokus kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia. Kajian ini mengenai hubungan antara kreativiti dan inovasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran terhadap prestasi akademik pelajar di

IPTS, Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Melalui kajian ini, pengkaji telah mencadangkan beberapa cara yang boleh digunakan oleh guru / pendidik di IPTS dalam usaha untuk mendidik pelajar menggunakan pembelajaran berpusat pelajar dan bukannya kaedah pengajaran tradisional untuk memastikan peningkatan prestasi akademik pelajar .

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KREATIVITI DAN KEUPAYAAN INOVASI GURU PENDIDIKAN ISLAM**

### **i. Kreativiti**

Menurut Mohd Syahrir et al. (2017) kreativiti bermaksud melihat empat perkara iaitu ciri-ciri individu, tingkah laku untuk mencapai kreativiti, hasil yang diperoleh daripada proses untuk melahirkan idea kreatif dan persekitaran yang sesuai untuk kegiatan kreatif. Beliau juga mengaitkan hubung kait antara kreativiti, inovasi dan keusahawanan. Seterusnya, Rubaaiyah, Lilia & Nor Aishah (2021) kreativiti adalah aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran yang mempengaruhi dasar pendidikan dan amalan guru di seluruh dunia dan juga dapat membentuk para pelajar abad ke-21. Beliau lebih memfokuskan kajiannya kepada kreativiti saintifik dalam PdPc Sains. Menurut Mayer (1983) & Weisberg (1986) dalam Hairi, Sabariah & Mohd Khairuddin (2017) kreativiti merangkumi dua elemen iaitu pertama dalam menyelesaikan masalah satu-satu penyelesaian mestilah berjaya melalui satu tindak balas yang asli. Manakala elemen kedua penyelesaian masalah mestilah bersifat baru berbanding dengan orang yang menyelesaikan masalah tersebut, maknanya tindak balas yang sama boleh menjadi kreatif pada satu orang yang lain dan tidak kreatif untuk orang lain jika ia mengulangi tindak balas tersebut. Pengkaji ini melihat dari sudut pengajaran kreatif demi pencapaian dalam penguasaan literasi.

Selain daripada itu, kreativiti turut ditakrifkan sebagai pemikiran dan sesetengah penyelidik menganggapnya sebagai satu proses. Oleh itu, kreativiti ditakrifkan sebagai mencipta idea baru dan berkesan (Mashitah Sulaiman et. al 2020). Bagi Mohd Abbas & Muhammad Adil (2017) menjelaskan kreativiti sebagai peniruan dan penemuan yang dilakukan oleh seseorang serta istilah lain yang kerap kali dikaitkan dengan kreativiti ialah pemikiran kritis dan inovasi. Kreativiti juga sentiasa dijadikan subjek kajian dalam hampir semua bidang ilmu pengetahuan. Menurut Hope (2010) kajian berkaitan kreativiti pula adalah luas dan tidak *rigid* berdasarkan bidang, ruang, tempat dan masa. Malah konsep kreativiti boleh dilihat dari pelbagai sudut berdasarkan latar belakang keilmuan seseorang dan sudut mana seseorang itu memahaminya. Menurut Amabile (1999) menerangkan indikator kreativiti boleh dikenal pasti berdasarkan aspek ilmu pengetahuan, motivasi dan sikap kreatif seseorang. Aspek persekitaran sosial atau kerja juga turut mempengaruhi kreativiti individu menurut beliau.

### **ii. Ilmu Pengetahuan**

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat menjelaskan maksud ilmu pengetahuan ialah perihal mengetahui sesuatu. Menurut Yahaya dan Noor Sharliana (2011) menerangkan bahawa ilmu pengetahuan akan memberi kelebihan kepada individu kreatif untuk mengenal pasti idea-idea yang asli dan baru. Pengetahuan perlu untuk menyuburkan kreativiti,

sebaliknya pengetahuan yang banyak boleh menghalang kreativiti berfungsi dengan berkesan. Hal ini kerana ia boleh membataskan pembangunan idea baru dan menggalakkan individu berfikir secara statik dan *rigid*. Bagi membangunkan ilmu pengetahuan, seseorang itu perlu untuk memiliki maklumat dan kebolehan memanipulasi maklumat-maklumat tersebut (Mohamad Mohsin & Nasruddin 2008).

### iii. Sikap Kreatif

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, kreatif bermaksud mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan, dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. Manakala sikap pula didefinisikan sebagai perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat (fikiran, pemikiran dan lain-lain). Rahman Hashim (2015) menerangkan konsep kreatif dan kreativiti ini sebenarnya amat luas dan tidak terhad kepada jawatan, ruang, tempat, dan masa. Selain itu, pemikiran yang sedia berubah dapat menjana idea dan inovasi baharu.

### iv. Motivasi

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, motivasi merujuk kepada sesuatu yang membuat atau mendorong seseorang berusaha atau melakukan sesuatu dengan penuh minat dan tujuan untuk mencapai kejayaan. Bagi Mariam & Zanariah (2015) menyatakan bahawa tingkah laku manusia tidak berlaku secara kebetulan tetapi digerakkan, didorong atau dimotivasikan oleh faktor-faktor dalaman dan luaran daripada diri seseorang manusia. Motivasi juga adalah kekuatan baik dari dalam mahupun dari luar yang mendorong seseorang untuk mencapai tujuan yang sudah ditetapkan sebelumnya. (Ayok Ariyanto & Sulistyorini 2020).

### v. Persekitaran

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, persekitaran bermaksud kawasan di sekeliling sesuatu tempat. Dalam konteks kajian ini pula, Che Nidzam, Saidatul Ainoor & Asmayati (2016) menyatakan persekitaran pembelajaran juga memainkan peranan yang penting dalam menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Hal ini telah diakui oleh beberapa sarjana bahawa persekitaran mempengaruhi kreatif secara langsung (Yahaya & Noor Sharliana 2011) dan inovatif seseorang.

### vi. Inovasi

Istilah inovasi secara etimologi pula yang berasal dari bahasa lain iaitu '*innovation*' yang memiliki makna pembaharuan dan perubahan (Nur Kholifah et al. 2021). Menurut Ruhaidi Amin et al. (2020) inovasi merupakan keupayaan untuk menyelesaikan masalah atau mencipta sesuatu yang baharu yang boleh dimanfaatkan oleh seseorang atau sesebuah organisasi. Selain itu, menurut Suaibatul, Yamanda & Rosfa (2021) menerangkan definisi inovasi dengan mengaitkan kepada istilah perubahan. Beliau menyatakan proses terjadinya inovasi kerana terdapat permasalahan yang harus diatasi dan usaha bagi mengatasi permasalahan tersebut

adalah melalui inovasi. Tambahannya lagi, inovasi merupakan hasil pemikiran yang asli, kreatif dan tidak tradisional.

Di Malaysia, terdapat agensi yang menyediakan set indeks inovasi iaitu soal selidik keupayaan inovasi agensi sektor awam di Malaysia atau *MyIndeksIno* yang mengandungi 93 item dan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu faktor sumber organisasi, faktor keupayaan inovasi dan faktor prestasi organisasi. Justeru itu, berdasarkan kepada konsep inovasi yang dijelaskan sebelum ini serta panduan komponen teori kreativiti dan inovasi Amabile (1999) terdapat inovasi organisasi yang merangkumi inovasi sumber, inovasi proses dan inovasi produk untuk mengkaji inovasi organisasi atau individu. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada inovasi proses yang merujuk kepada faktor keupayaan inovasi individu iaitu GPI selaku responden kajian ini. Antara faktor-faktor keupayaan inovasi berdasarkan inovasi proses iaitu penjaan idea, pembangunan idea, pelaksanaan idea dan perkembangan idea (Ruhaidi Amin et al. 2020).

#### vii. Guru Kreatif dan Inovatif

Pengertian tentang kreativiti dan inovasi telah dijelaskan sebelum ini. Namun begitu, perbincangan mengenai kreativiti dan inovasi Guru Pendidikan Islam (GPI) tidak dapat dipisahkan dengan istilah guru kreatif dan inovatif. Ini kerana dalam mewujudkan suasana PdPc abad ke-21, peranan dan fungsi guru amat diperlukan. Menurut Nadia Zaini (2021) guru kreatif adalah guru yang mampu menciptakan kegiatan pembelajaran yang bervariasi sehingga proses pembelajaran menjadi aktif, menyenangkan, dan tidak membosankan. Tambahan pula, guru yang kreatif ialah yang fleksibel, tidak kaku dan mempunyai prinsip. Begitu juga apabila kreativiti dalam pengajaran guru adalah merujuk kepada kemampuan guru yang sentiasa mengembangkan bahan atau kaedah pengajaran serta mampu menciptakan suasana yang menarik dan kondusif serta mampu membawa perubahan dalam proses pembelajaran (Helda Jolanda 2017).

Selain itu, Nadia Zaini (2021) turut menerangkan maksud guru inovatif iaitu kemampuan untuk memperkenalkan sesuatu yang baru. Guru yang inovatif adalah guru yang mampu membuat perubahan dalam proses pembelajaran dengan menggunakan pelbagai kaedah, sehingga murid berasa gembira dalam proses pembelajaran. Terdapat ciri-ciri yang dimiliki oleh guru inovatif iaitu: 1. Guru mampu melibatkan murid dalam proses pembelajaran. 2. Menyampaikan bahan atau kaedah mengajar dengan cara yang baru. 3. Menerapkan berbagai pendekatan pembelajaran dengan teknik baru. 4. Menanamkan rasa percaya diri dalam diri murid untuk bertanya atau memberi berpendapat. Perkembangan pendidikan dalam era globalisasi juga memerlukan guru menjadi lebih memberi inspirasi, inovatif, kreatif, dan produktif (Ni Nengah Selasih et al. 2018) supaya generasi Alpha yang terhasil mampu mendepani cabaran dan suasana kehidupan yang berubah dan mencabar.

Lanni (2021) telah menerangkan tentang lima tips bagi menghasilkan idea pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif. Antaranya, 1) Melibatkan murid dalam proses perancangan. Melalui penglibatan murid ke dalam kumpulan perancangan pembuat dasar dan keputusan untuk kemahiran abad ke-21. Ini secara tidak langsung membantu mereka untuk memenuhi keperluan yang diperlukan agar mereka menjadi seseorang yang kritikal dan pemikiran terbuka. 2) Mencuba sesuatu peralatan baru atau peranti ke atas sekumpulan murid

untuk melihat kefungsiannya dan mengenal pasti sesuatu isu yang timbul sekiranya terdapat masalah padanya. 3) Berkongsi sesuatu idea kepada sekolah lain. Perbincangan melalui kerjasama antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain mampu mewujudkan percambahan idea kreativiti dan sokongan kepada pendekatan inovasi yang ingin diterapkan. 4) Sentiasa melaksanakan kajian terhadap sebarang alat, produk atau peranti yang akan digunakan dan cuba untuk mencari maklumat pro atau kontra berkaitan penggunaan peralatan tersebut. 5) Memastikan keseimbangan antara penggunaan Teknologi Pendidikan dan pendekatan tradisional. Ini penting bagi memastikan cara kita menyokong usaha kreativiti dan adaptasi PdPc yang berimpak tinggi. Dalam masa yang sama kita menyedari kesan sampingan terhadap tempoh masa yang lama menghadap skrin mampu menjejaskan kesihatan. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa peranan yang dimainkan oleh kreativiti dan inovasi dalam PdPc adalah memastikan proses pembelajaran menjadi lebih baik serta mencapai keputusan yang terbaik dalam pendidikan kelak.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati masih terdapat *gap* atau ruang dalam melaksanakan kajian berkaitan kreativiti dan inovasi khususnya terhadap GPI dalam PdPc Pendidikan Islam abad ke-21. Kajian-kajian di atas sangat membantu pengkaji terutama dalam mengetahui isu masalah dan pendekatan kajian yang sesuai digunakan. Ini penting bagi menjadikan isu berkaitan kreativiti dan inovasi guru sebagai sesuatu prioriti kepada pihak sekolah, PPD dan JPN Negeri. Lantas, apabila isu sebegini mampu ditangani maka kecemerlangan murid mampu dihasilkan. Oleh itu, aspek kreativiti dan inovasi ini perlu ada dalam diri GPI supaya kekal relevan dan signifikan dalam arus pendidikan abad ke-21 di Malaysia, demi melahirkan generasi Alpha sebagai Muslim berilmu dan berkualiti.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Abdullah & Zuraini Marion. 2021. Guru perlu kreatif taksir murid dalam norma baharu. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/01/779528/guru-perlu-kreatif-taksir-murid-dalam-norma-baharu> [25 Disember 2021]
- Abdul Jalil A., Abdul Ghani K. A. & Isrihan M. 2019. Amalan Pengupayaan Dan Autonomi Guru Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Abad Ke 21. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 6(1): 49-58.
- Abdul Muis Joenaedy. 2018. *Guru Asyik Murid Fantastik*. Yogyakarta: DIVA Press.
- Abu Bakar Nordin. 2013. Kurikulum KearahPenghasilanKemahiranBerfikiranKritis, Kreatif dan Inovatif. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 1(1): 10-17.
- Adjah Naqkiah Mazlan. 2021. Lahirkan lebih ramai Guru Cemerlang, tingkatkan PdPR. <https://people.utm.my/adjahnaqkiah/2021/06/22/lahirkan-lebih-ramai-guru-cemerlang-tingkatkan-pdpr/>[12 Disember 2021]
- Afnan Faiz Ridzuan Ahmad & Jasni Sulong. 2019. Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah: Perspektifmasalahdaripada Perspektif Islam. *The Online Journal Of Islamic Education* 7(2): 1-9.
- Agus Susilo & Andriana Sofiarini. 2020. Pembelajaran Sejarah Online Mahasiswa STKIP PGRI Lubuklinggau di Masa Pandemik Covid 19. *Kaganga: Jurnal Pendidikan Sejarah Dan Riset Sosial Humaniora*. 3(1): 24-32.

- Ahmad Ghifari Tetambe. 2021. Kreativitas Guru Pendidikan Agama Islam Dalam mengembangkan Media Pembelajaran berbasis ICT. *ZAWIYAH: Jurnal Pemikiran Islam* 7(1): 80-100.
- Ainul Husna Mohamed. 2016. Kaedah Nyanyian dan Permainan Karom Membantu Murid Tahun Satu Mengenali Kedudukan Dan Bilangan Titik Huruf Jim, Cha, Ha, dan Kha Dengan Betul. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Andriana Sofiarini. 2020. Pendidikan Kepemimpinan Guru Sejarah Di Era Globalisasi. *Jurnal Pendidikan Sejarah dan Riset Sosial Humaniora (KAGANGA)* 3(2): 199-208.
- Anwar Patho Rahman & Mohd Nasaruddin Parz. 2020. Hanya 20-30 peratus murid ikuti PdP dalam talian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703364/hanya-20-30-peratus-murid-ikuti-pdp-dalam-talian> [20 Disember 2021]
- Aprida Pane & Muhammad Darwis Dasopang. 2017. Belajar dan Pembelajaran. *Fitrah: Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Keislaman* 3 (2): 333-352.
- Bahagian Pendidikan Islam. 2021. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Mengikut Negeri. [https://t.me/GC\\_JUNIOR\\_PENDIDIKANISLAM\\_KPM](https://t.me/GC_JUNIOR_PENDIDIKANISLAM_KPM) [14 Disember 2021]
- Beben Zuber Effendi. 2017. Merengkuh Kembali Idealisme Guru Pai Dalam Rangka Mewujudkan Sikap Profesional. *Wahana Karya Ilmiah Pendidikan* 2(1): 33-51.
- Chotibul Umam. 2020. *Inovasi Pendidikan Islam: Strategi dan Metode Pembelajaran PAI di Sekolah Umum*. Bengkalis-Riau: DOTPLUS Publisher.
- Cremin, T. and Barnes, J. 2018. *Creativity and Creative teaching and Learning*. In: Cremin, T. and Burnett, C. eds. *Learning to Teach in the Primary School* (4th edition). Routledge.
- Darchinie Rani Ravendran & Md Yusoff Daud. 2020. Faktor –Faktor Yang Mempengaruhi Guru Matematik Sekolah Rendah Dalam Mengintegrasikan Penggunaan Teknologi Dalam Pdpc. *Jurnal Dunia Pendidikan* 1 (3): 24-33.
- Dewi Surani. 2019. Studi literatur: Peran teknolog pendidikan dalam pendidikan 4.0. *Kertas Kerja Prosiding Seminar Nasional Pendidikan FKIP* 2 (1): 456-469.
- Donni Juni Priansa. 2017. *Komunikasi Pemasaran Terpadu Pada Era Media Sosial*. Bandung: CV Pustaka Setia
- Dudun Supriadi. 2017. Implementasi Manajemen Inovasi dan Kreatifitas Guru dalam Meningkatkan Mutu Pembelajaran. *Indonesian Journal of Education Management and Administration Review* 1(2): 1-8.
- Eko Heri Widiastuti. 2017. Eko Heri, W. (2017). Pemanfaatan Lingkungan Sebagai Sumber Pembelajaran Mata Pelajaran Ips. *Satya Widya* 33 (1): 29-36.
- Fathi Abdullah & Khadijah Abd Razak. 2021. Tahap Minat dan Penerimaan Pelajar Terhadap Gamifikasi dalam Bidang Sirah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 5 (1): 27-38.
- Fathiyah M. F., Sharini C.S. & Asmawati S. 2020. Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 17 (2): 311-340.
- Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Saad. 2021. Pembangunan Inovasi Tajwid Yadun Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Tajwid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* 4(2): 32-44.
- Hani Subakti, Keren H.W., Nana H.H., Mesra W.R., Janner S., Ahmad F., Dewa P.Y.A., Siska Y.R., Dina C. & Agung N.C.S. 2021. *Inovasi Pembelajaran*. Indonesia Yayasan Kita Menulis.
- Hanif Kurniawan & Enung Hasanah. 2021. Peran Kepala Sekolah dalam Meningkatkan Inovasi dan Kreativitas Guru di Masa Pandemi di SD Muhammadiyah Bantul Kota. *Jurnal Studi Guru Dan Pembelajaran* 4 (1): 56-66.
- Hannah Aqilah, Rosadah Abd Majid & Manisah Mohd Ali. 2019. Cabaran Guru Pendidikan Khas Pada Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4 (26): 113-122.

- Hashimah Md Yusoff, Mohd Isa Hamzah & Shahlan Surat. 2018. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Indeks Pemupukan Kreativiti dalam Pengajaran Guru dengan Elemen Islam (I-CFTI) Berdasarkan Pendekatan Model Rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI* (1): 77-88.
- Hassan Omar. 2019. Lebih 700 murid tak boleh mengaji al-Quran. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/517173/lebih-700-murid-tak-boleh-mengaji-al-quran> [12 Januari 2022]
- Helda Jolanda Pentury. 2017. Pengembangan Kreativitas Guru Dalam Pembelajaran Kreatif Pelajaran Bahasa Inggris. *Faktor Jurnal Ilmiah Kependidikan* 4 (3): 265-272.
- Herdin Muhtarom, Dora Kurniasih & Andi. 2020. Pembelajaran Sejarah Yang Aktif, Kreatif Dan Inovatif Melalui Pemanfaatan Teknologi Informasi Dan Komunikasi. *Bihari: Pendidikan Sejarah dan Ilmu Sejarah* 3 (1): 29-36.
- Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahmud. 2021. Strategi Pengajaran Dalam Talian Yang Digunakan Oleh Guru Bahasa Melayu Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11 (2): 54-67.
- Kalyani D. & Rajasekaran K. 2018. Innovative teaching and learning. *Journal of Applied and Advanced Research* (1) 23-25.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga lepas Menengah). Putrajaya: KPM.
- M. Iqbal, Abdul Rahman Siahaan, Ahmad Mustaf & Bertha Zulmiadi Ramadhan. 2020. Alternatif Strategi Pembelajaran Pai Di Tengah Wabah Covid-19. *Jurnal Bilqolam Pendidikan Islam*: 55-71.
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman, Khairul Anur Bahrin. 2019. Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-Guru Sekolah Rendah. *Jurnal IPDA Bil. 26*. Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Jitra, Kedah.
- Mashitah Sulaiman, Mohd Azmir Mohd Nizah, Mohd Nazir Ahmad, Marina Munira Abdul Mutalib, Roslizawati Mohd Ramly, Khatijah Othman, Suhailiza Md. Hamdani. 2018. Pengetahuan Dan Kefahaman Agama Dalam Kalangan Belia Melayu Di Lembah Kelang. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*: 371-390.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari & Norazimah Zakaria. 2020. Kesediaan Guru Pendidikan Islam Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy* 2 (2): 9-17.
- Mohamad Khairi Othman & Mohd Nazer Ishak. 2017. Tinjauan Pelaksanaan Pengurusan Pendidikan Agama Islam Di Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Kota Setar. *The Online Journal Of Islamic Education* 5 (1): 12-19.
- Mohd Khairul Nuzul Hassan & Abu Bakar Ibrahim. 2017. Reka Bentuk Dan Pembangunan Model Pengajaran Berasaskan Ict (eE-Tvet) Bagi Kursus Mekanikal Dan Pembuatan Di Kolej Vokasional: Satu Analisis Keperluan. *Voice of Academia* 12 (2): 1-10.
- Mohd Nazri Abdul Rahman & Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor. 2018. Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017: Retrospeksi Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 5 (3): 59-71.
- Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj. 2017. Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran M-Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 4 (4): 12-24.
- Mohd Zailani Mohd Yusoff, Mohamad Khairi Othman, Alis Puteh & Nurfasihah Roslan. 2017. Permasalahan dan Cabaran Guru dalam Membentuk Nilai Pelajar Di Sekolah Menengah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special issue)*: 1-10.



- Muhamad Zaki Samsudina, Razali Hassan, Azman Hasan & Mohd As'ed Shamsuddin. 2013. Kreativiti Guru Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup. Kertas Kerja *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru*, Hotel Le Grandeur, Johor; 22-24 Oktober.
- Muhammad Arifuddin, Misbah, Titin Sunarti, Suyidno, Eko Susilowati & Dwikoranto. 2019. Increasing Students' Responsibility and Scientific Creativity through Creative. *Jurnal Penelitian Fisika dan Aplikasinya (JPFA)* 9 (2): 178-188.
- Muhammad Fikri Norddin. 2017. Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Tesis Sarjana Falsafah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Rohmadi. 2018. Strategi Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Bahasa Dan Sastra Indonesia Di Era Industri 4.0. Kertas kerja dalam Pertemuan Ilmiah Bahasa dan Sastra Indonesia: 27-40.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & Ahmad Marzuki Mohamad. 2020. Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc). *E-Journal of Islamic Thought and Understanding* 2: 71-82.
- Mukhlis Nugraha. 2017. Konsep Ilmu Fardu Aindan Fardu Kifayah dan Kepentingan Amalannya dalam Kurikulum Pendidikan Islam. *AFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 10: 103-149
- Mustafa Kamal, Noor Muslieah, Zaharah Hussin, Abdul Muhsien Sulaiman & Nurul Nadia Abd Latib. 2021. Pendekatan Heutagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (Pdpr) Menggunakan M-Pembelajaran: Application Of Heutagogy In Home-Based Learning Use Of M-Learning. *Journal of Islamic Educational Research* 7: 44-65.
- Nadia Zaini. 2021. Menjadi Guru: Kreatif dan Inovatif. <https://osf.io/9rja4/> [12 Disember 2021]
- Najmi Syahiran Mamat. 2020. Pembelajaran alam maya: Ini solusi ketika berdepan COVID-19. <https://www.astroawani.com/berita-teknologi/pembelajaran-alam-maya-ini-solusi-ketika-berdepan-covid19-234885> [12 Disember 2021]
- Nakano, T. C., & Wechsler, S. M. 2018. Creativity and innovation: Skills for the 21st Century. *Estudos de Psicologia (Campinas)* 35(3): 237-246.
- Ng Lee Ching, Hazura Abdul Rahim & Zubaidah Selamat. 2020. Tahap Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (Pak21): Satu Kajian Kes. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan* 33(1): 43-56
- Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariyaty Ab Wahid & Rohaila Yusof. 2019. Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(28): 28-51.
- Noorazman Abd Samad, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Hairuddin Harun, Mohd Hasril Amiruddin, Suhaizal Hashim, and Faizah Jaapar. 2018. Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Smk) Daerah Pontian. Online Journal for TVET Practitioners.
- Nor Hazrul Mohd Salleh. 2021. Memacu Kreativiti & Inovasi. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2021/07/728292/memacu-kreativiti-inovasi> [12 Disember]
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. Kertas Kerja *Prosiding International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. Institut Ketamadunan Melayu dan Kesenian Islam, UniSZA.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. Kertas Kerja *Prosiding International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. Institut Ketamadunan Melayu dan Kesenian Islam, UniSZA.
- Norfaizah Md Kamary & Mahizer Hamzah. 2019. Kesiediaan Guru Matematik Daerah Kuala Langat Dalam Melaksanakan Pembelajaran Abad Ke 21. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2019), Auditorium Dr. Zainuddin Jaafar, KUIS, 29 Ogos.

- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa & Khadijah Abd Razak. 2020. Faktor Pendorong Kreativiti Dalam Kalangan Pelajar Politeknik. *Asian People Journal* (2): 77-85.
- Norliza Nor Hashim, Razaleigh Muhamat @Kawangit & Ahmad Irdha Mokhtar. 2019. Persediaan Kualiti Diri Siswa Guru Pendidikan Islam Melalui Konsep 5 Mim Dalam Program Pendidikan Inklusif Di Sekolah. *Al-Hikmah* 11 (2): 54-67.
- Nur Adibah Liyana Awi & Hafizhah Zulkifli. 2021. Kaedah Fan-N-Pick Dalam Pembelajaran Sirah Pendidikan Islam. *Malaysian Online Journal of Education* 4 (2): 61-69.
- Nur Atiqah Abdul Aziz & Noornajihan Jaafar. 2018. Penguasaan Pembelajaran al-Quran Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 2(2): 24-36.
- Nur Hanisah Ahmad Saifudin & Mohd Isa Hamzah. 2021. Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3): 250-264.
- Nur Hasan. 2019. Pemberdayaan Pesantren Dalam Mewujudkan Guru Bahasa Arab Profesional Berbasis Metode Pembelajaran Bahasa Arab Kreatif Dan Inovatif (Di Pesantren Al Hidayah Sukorejo Pasuruan). *VICRATINA: Jurnal Pendidikan Islam* 4 (1): 95-102.
- Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod. 2021. Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Masalah Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komsas. *Asian People Journal (APJ)* 4 (1): 93-107.
- Nur Syamira et.al. 2017. Kefahaman Al-Quran dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermulti-media. *ASEAN Comp. Educ. Res. J. Islam Civiliz.* 1(1): 41-53
- Nursafra Mohd Zhaffar, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Norasmahani Nor, Nor Anisa Musa, Mohd Syaubari Othman. 2021. Issues and Challenges of the Implementation of HOTS in Religious Teaching in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 10 (2): 308-316.
- Nurul Dwi Lestari, Nila Lukmatus Syahidah & Apriliyani Diah Kartikasari. 2020. Inovasi multimedia animasi untuk meningkatkan minat dan kreativitas siswa dalam pembelajaran teks eksplanasi. *Jurnal Pasopati: Pengabdian Masyarakat dan Inovasi Pengembangan Teknologi* 2 (3): 190-197
- Nurul Faeizah Husin, Hairulliza Mohamad Judi & Siti Aishah Hanawi. 2021. Pembelajaran pengaturcaraan bermakna melalui integrasi teknologi: tahap perlaksanaan dan penggunaan. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia* 10 (2): 77-94.
- Rafiza Abdul Razak. 2017. Strategi pembelajaran aktif secara kolaboratif atas talian dalam analisis novel Bahasa Melayu. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 1(3): 34-46 Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. 2018. Aplikasi "Konsep 4C" Pembelajaran Abad ke 21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)* 1(1): 45-65
- Rerke, Viktoriya I., Tatarinova, Larisa V., Bubnova, Irina S., Babitskaya, Lyudmila A. & Bakhareva, Elena V. 2020. Creativity and innovations of teachers of modern school: empirical aspect. *Revista Espacios* 41 (6): 1-9.
- Responsibility Based Learning. *Jurnal Penelitian Fisika dan Aplikasinya (JPFA)*. 9 (2): 178-188.
- Ruhaidi A., Nasihah A. A., Zalina M. A. & Nur Riza M. S. 2020. Kepercayaan Dan Kesahan Instrumen Inovasi Organisasi Suatu Pendekatan Model Rasch. *Journal of Quality Measurement and Analysis* 16(2): 253-269.
- Salmiah Kinawati Azisa. 2019. Kreativitas Guru Pendidikan Agama Islam Dalam Mengatasi Kejenuhan Belajar Peserta Didik Di Sd Inpres Jatia Kabupaten Gowa. Tesis Sarjana. Fakultas Pendidikan Agama Islam, Universiti Muhammadiyah Makassar.

- Selvi Narayanan. 2017. A Study on the Relationship between Creativity and Innovation in Teaching and Learning Methods towards Students Academic Performance at Private Higher Education Institution, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7: 1-10.
- Siti Aisyah Ibrahim & Khadijah Abdul Razak. 2021. Pandemi Covid-19: Cabaran dan Impak Dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 1(1): 89-94.
- Siti Aminah, Nur Karomah Dwidayati & Mulyono Mulyono. 2019. Kemampuan Literasi Matematika Ditinjau dari Kreativitas Melalui Pendekatan Open Ended Problems (OEP). *PRISMA, Prosiding Seminar Nasional Matematika* 2:51-57.
- Siti Noridah Ali, Nur Liyana Khalid Khan & Ahmad Taufiq Wafi Abdul Ghani. 2018. Abad 21: Trend Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Putrajaya: Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani & Hakim Zainal. Impak Pendekatan kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran kosa kata Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3 (1): 10-21.
- Stephen O. Maitanmi, Samson O. Ogunlere & Adesina K. Adio. 2019. Shaping ICT Infrastructure Through Creativity and Innovation. *Indian Journal of Science and Technology* 12 (4): 1-6.
- Sukarman & Dalmi Iskandar Sultani. 2019. Kreatifitas Mengajar Guru Pendidikan Agama Islam Dan Pengaruhnya Terhadap Motivasi Belajar Siswa Di Smk Al Washliyah 4 Medan. *Ihya Al-Arabiyyah: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Arab* 5 (1): 1-9.
- Tasurun Amma. 2018. Problematika Proses Pembelajaran Pendidikan Agama Islam". *Al-I'tibar: Jurnal Pendidikan Islam* 5 (2): 70-78.
- Tuan Rahayu Tuan Lasan, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Isa Hamzah. 2017. Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Tasawwur Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3 (1): 15-28.
- Unik Hanifah Salsabila, Putri Fauziah Fitriah & Astuti Nursangadah. 2018. Eksistensi teknologi pendidikan dalam kemajuan pendidikan islam abad 21. *Jurnal Edusciense* 7 (2): 68-77.
- Uswatun Khasanah & Herina Herina. 2019. Membangun Karakter Siswa Melalui Literasi Digital Dalam Menghadapi Pendidikan Abad 21 (Revolusi Industri 4.0). Kertas Kerja Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Program Pascasarjana Universitas Pgri, Palembang, 12 Januari.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah & Nursafra Mohd Zhaffar. 2020. Pengetahuan Untuk Menghasilkan Inovasi Pengajaran dalam Kalangan Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Asian People Journal* 3 (2): 192-201
- Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Ruhaizah Abd Ghani, Nor Adila Mohd Noor, Azarudin Awang & Noor Hasyimah Sulaiman. 2019. Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Video Dan Padlet (Pvdp) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Pemikiran Dan Tamadun Islam. *E-Academia Journal* 8(2): 1-7.
- Yuyu Yuliati & Dudu Suhandi Saputra. 2019. Stem Education: Inovasi Pembelajaran Sains Di Era 4.0. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan* 1: 1504-1509.
- Zaidi Saleh, Jamilah Ahmad & Yahya Buntat. 2021. Proses Awal Pembinaan Instrumen Pemikiran Kreatif Bagi Guru Besar. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3 (2): 210-224.
- Žydzūnaitė, Vilma, & Ander Arce. 2021. Being an Innovative and Creative Teacher: Passion-Driven Professional Duty. *Creativity Studies* 14 (1):125-44.